

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA  
PEJABAT BENDAHARI**

UTHM.PB/100-6/4/1( 12 )

21 Mei 2008

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 6/2008**

**Semua Pengurus Bahagian**  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan,

**BAYARAN HONORARIUM PENCERAMAH PROGRAM/KURSUS PEMBANGUNAN  
PROFESIONALISME STAF AKADEMIK**

**1.0 TUJUAN**

Adalah dimaklumkan bahawa tujuan surat pekeling ini adalah untuk menerangkan penyelarasan bayaran honorarium penceramah program / kursus pembangunan profesionalisme staf akademik.

**2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pada masa ini, Universiti menerimapakai kadar dan syarat-syarat bayaran saguhati seperti yang dinyatakan di Pekeling Bendahari Bil 2/2005.
- 2.2 Pekeling Bendahari Bil 1/2006 adalah mengenai kadar-kadar dan syarat-syarat bayaran saguhati kepada pensyarah/penceramah dan fasilitator sambilan dan pemakaiannya adalah tertakluk kepada Pekeling Bendahari Bil 2/2005.

**3.0 PELAKSANAAN**

- 3.1 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil 4/2007 bersetuju menerimapakai Pekeling Bendahari Bil 1/2006 iaitu Peraturan Mengenai Kadar-kadar dan Syarat-syarat Bayaran Saguhati Kepada Pensyarah/Penceramah dan Fasilitator Sambilan dengan menggugurkan para 2.3 yang mengaitkan Pekeling Bendahari Bil 2/2005.
- 3.2 Bagi tujuan keseragaman, bayaran saguhati ini diberikan kepada pegawai dari perkhidmatan kerajaan yang terlibat secara langsung sebagai pensyarah/penceramah atau fasilitator sambilan dalam program-program yang dianjurkan oleh PTj mahupun Universiti seperti yang dinyatakan di Pekeling Perbendaharaan Bil 2/2005.

#### 4.0 KUATKUASA PEKELILING

Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh kelulusan oleh Lembaga pengarah Universiti (LPU) Bil 4/2007.

Dengan berkuat kuasanya pekeling ini, Pekeliling Bendahari Bil 2/2005 adalah dibatalkan.

Kerjasama daripada YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan adalah diharapkan agar dapat memanjangkan kepada staf di bahagian YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

**"DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA"**

Yang benar,



**ABU BAKAR BIN HUSSAIN**

Bendahari

]: Samb. 7050

- s.k - YBhg. Dato' Naib Canselor
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
  - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
  - Ketua Unit Audit Dalam